MCIS ZURICH
INSURANCE
Touching the lives of all

Analysis
Bahasa Malaysia
[1103/1] [1103/2]

Kertas ini mengandungi empat bahagian iatu Soalan Satu, Rumusan, Soalan 2 yang megandungi; Petikan Umum, Prosa Moden, Prosa Tradisional, dan Puisi. Soalan 3, Tatabahasa, dan Soalan 4, Novel.

Analisis Soalan Rumusan SPM

TAHUN	2005	2006	2007	2008	2009
TAJUK	Kebaikan Hidup Berjiran dan cara-cara memperkukuh semangat kejiranan	Cara-cara Melahirkan Masyarakat Berbudi Bahasa dan kesannya kepada masyarakat	Langkah-langkah mengatasi salah laku pelajar	Faedah-faedah penerokaan angkasa lepas	Kepentingan Tidur

Analisis Soalan 2006 – 2009

Tahun	Soalan (a)	Soalan (b)
Julai 2005	Perwatakan satu watak sampingan	Tiga peristiwa yang memberi teladan
November 2005	Dua peristiwa yang menarik	Bandingkan satu latar tempat berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
Julai 2006	Dua peristiwa watak	Bandingkan dua nilai kemasyarakatan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari
November 2006	Pengajaran daripada cerita dalam novel	Satu persoalan daripada dua buah novel yang dipelajari
Jun 2007	Dua nilai setia kawan	Huraikan tema bagi dua buah novel
November 2007	Huraikan persoalan maruah	Cara watak utama menyelesaikan konflik
Jun 2008	Pemilihan tajuk novel dikaitkan dengan isi kandungan	Tiga pengajaran berdasarkan dua buah novel
Nov 2008	Dua sebab bahagian permulaan novel menarik minat anda	Bandingkan persamaan dan perbezaan satu latar masyarakat dalam dua buah novel yang dipelajari
Jun 2009	Dua peristiwa yang meninggalkan kesan terhadap pembaca	Berdasarkan dua buah novel, huraikan satu latar masa bagi setiap novel
Nov 2009	Pemulaan cerita yang menarik	

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

MCIS ZURICH INSURANCE
Touching the lives of all

Bahasa Melayu Kertas Satu (1103/1)

Kertas ini mengandungi dua bahagian iatu Bahagian A Karangan berpandu dan Bahagian B Karangan panjang. Calon mesti menjawab bahagian A dan memilih mana-mana satu soalan daripada bahagian B

Bahagian A
[30 markah]
[Masa dicadangkan 45 minit]

Arahan: Berdasarkan ilustrasi di bawah, huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah mengatasi gejala ponteng sekolah. Panjang huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

GEJALA PONTENG SEKOLAH



JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

Bahagian B
[100 markah]
[Masa dicadangkan 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Sekolah anda telah mengadakan sambutan ulang tahun kemerdekaan yang ke-53 pada tahun ini. Gambarkan suasana kemeriahan kemerdekaan sepanjang sambutan itu selengkapnya.

2. 'Hari Ibu' sering disambut meriah dan jarang dilupakan oleh anak-anak. Namun begitu, mereka sering mengabaikan 'Hari Bapa'. Pada pendapat anda, perlukan usaha-usaha untuk memperingati 'Hari Bapa' diuar-uarkan seperti 'Hari Ibu'. Beri pendapat anda.

3. Kad kredit dikatakan sebagai alat penyelesaian kewangan segera, namun penggunaan nya yang melampau akan meningkatkan beban pengguna akhirnya. Selaku pengarang sebuah majalah anda dikehendaki menulis komentar anda dalam bentuk rencana berkenaan isu tersebut. Sediakan rencana tersebut selengkapnya.

4. Andaikan anda bertugas sebagai pemberita di sebuah akhbar. Anda telah ditugaskan untuk menemuramah seorang pakar perubatan berkenaan penyakit berbahaya yang sering melanda negara kita akhir-akhir ini. Tulis hasil temu ramah anda itu selengkapnya.

5. Sekolah anda telah menganjurkan pertandingan menulis cerpen bertemakan semangat patriotisme. Anda ingin menyertai pertandingan tersebut. Tulis cerpen berkenaan selengkapnya.

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

MCIS ZURICH INSURANCE
Touching the lives of all

Bahasa Melayu Kertas Dua (1103/2)

Rumusan (30 Markah)

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan berkenaan faktor-faktor kanak-kanak memilih makanan kurang berkhasiat dan kesan pemakanan tersebut kepada kanak-kanak.

Kecenderungan kanak-kanak memilih makanan segera dan makanan rapu sebenarnya mewujudkan tabiat pemakanan yang tidak sihat. Memburukkan keadaan, hampir saban hari kanak-kanak ini terdedah dan mula tertarik dengan iklan-iklan makanan segera yang mengiurkan. Kebanyakkan makanan segera dan makanan ringan di pasaran hari ini mengandungi emulsifier, bahan pewarna, dan perisa yang antaranya boleh mendatangkan kemudaratan. Begitu juga dengan kandungan lemak tepu, gula, dan garam yang tinggi ditambah kandungan serat yang sangat rendah dikhuatiri akan menjejaskan kesihatan sesiapa sahaja terutama anak-anak.

Ada ibu bapa yang tidak mengambil pusing akan hal ini, ditambah mereka sendiri mempunyai tabiat pemakanan yang kurang sihat malah, beranggapan tiada salahnya anak-anak tidak dihidangkan makanan sewajarnya seperti sayur-sayuran atau buah-buahan dalam menu harian, lantaran begitu banyak lambakan pil vitamin yang boleh diperoleh di farmasi-farmasi dan ejen-ejen jualan langsung. Ironinya, pakar pemakanan sendiri tidak menggalakkan masyarakat untuk terlalu bergantung kepada pil-pil suplimen seperti ini.

Menurut, Coughlin dalam jurnalnya yang bertajuk 'Body image dissatisfaction in children: prevalence and parental influence' terdapat beberapa faktor yang menyebabkan anak-anak mempunyai tabiat pemakanan yang tidak sihat, antaranya apabila anak-anak mempunyai pilihan makanan ringan yang banyak di rumah yang kononnya bertujuan untuk dinikmati semasa bersantai sambil menonton televisyen bersama keluarga di rumah. Keadaan ini membuka ruang dan pengaruh kepada anak-anak untuk lebih tertarik menikmati makanan ringan tersebut berbanding makanan berat yang lebih berkhasiat. Memang tidak salah untuk sesekali anak-anak makan makanan ringan, namun ibu bapa perlu menyediakan pilihan makanan ringan berkhasiat seperti biskut, roti berkrim, bertih jagung rendah lemak , yogurt atau kismis.

Keperluan anak-anak untuk memilih makanan kegemaran adalah terhad kerana ada ibu bapa yang memaksa anak-anak makan satu-satu jenis makanan sahaja. Ini akan menyebabkan anak-anak kebosanan dan tidak berminat untuk terus menikmati sajian makanan yang serupa. Maka, ibu bapa harus bijak mempelbagai jenis dan cara makanan disajikan namun yang penting, khasiat makanan tetap terpelihara dan mendatangkan manfaat kepada perkembangan minda dan fizikal anak-anak. Jika anak-anak mahu makan burger, sosej atau ayam goreng, seperti yang dijual di restoran makanan segera, ibu bapa sendiri sebenarnya mampu untuk menyediakan makanan segera tersebut dengan jaminan khasiat yang lebih tinggi.

Kanak-kanak juga mempunyai emosi. Kanak-kanak yang mengalami kesedihan, ketakutan atau ***krisis*** kekeluargaan cenderung memiliki tabiat kurang makan atau terlebih makan. Jika ibu bapa melihat emosi anak-anak yang terganggu sebegini turut memberi kesan negatif kepada tabiat pemakanan mereka, maka dicadangkan agar masalah yang menghantui anak-anak itu diselesaikan dahulu, bukan terfokus kepada membetulkan kaedah makan mereka. Kesimpulannya pemilihan makanan yang tepat membantu seisi keluarga untuk berjimat-cermat sekali gus memiliki tubuh badan yang sihat.

Dipetik daripada Motivasi dalam Pengajaran dan Pemelajaran Bahasa
sumber daripada Vijayaletchumy Subramaniam
*Pelita Bahasa oktober 2008*Soalan 2:Pemahaman
[35 markah]

Soalan 2 (a) Petikan Umum

Jawab soalan-soalan berikut berdasarkan ayat anda sendiri.

i. Apakah yang dimaksudkan oleh pengarang dengan ***krisis*** kekeluargaan seperti yang terdapat dalam petikan [2 markah]

ii. Kemukakan beberapa langkah untuk menarik perhatian anak-anak agar mereka cenderung memilih makanan berkhasiat. [3 markah]

iii. Nyatakan beberapa kandungan makanan yang boleh memudaratkan dan menjejaskan kesihatan kanak-kanak. [3 markah]

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

Soalan 2 (b) Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri

Jemah menggeleng-gelengkan kepala dengan senyum nipisnya. Murni tergelak keras. Kali ini ibu terkena. Dan pasti tidak boleh berdalih lagi. "Ha...mak tak boleh berdalih lagi! Mak Timah dah sanggup menunggu rumah ni, ayam itik mak...,"sambar Murni dengan ketawa riangnya. Ibu tidak terkata. Ia mengalah kali ini, dan terpaksa mengikut anaknya ke kota petang itu.

Setibanya Jemah di rumah batu berbilik tiga itu ia disambut mesra oleh menantunya Jamal. Kembang jari pegawai perancang ekonomi itu mempersilakan ibu mentuanya masuk ke rumah. Maklum sajalah kali pertama ibu mentua menjejakkan kaki ke rumahnya! Jemah kelihatan tenang sahaja.

Malam itu Jemah tidak dibawa ke mana-mana. Murni dan Jamal ada majlis tari-menari di rumah teman karibnya. Tinggallah ibu tua itu sendirian. Dan saat itulah ingatannya segera terbang balik ke kampung. Apa halnya ayam dan itik aku? Dihalau Si Timah ke reban ke tidak? Pokok-pokok sayur aku dijirus Timah ke tidak. Dia bertanya-tanya sendiri. Risau hati tidak terkira. Kalau dekat mahu dia pulang malam itu juga. Dia termenung panjang mengeluh berkali-kali.

Dipetik daripada cerpen Budi Yang Tak Terbeli
oleh Khadijah Hashim dalam Antologi Anak Laut.

i. Apakah yang difikirkan oleh Jemah sepeninggalan Murni dan Jamal ke majlis tari-menari teman karib mereka? [2 markah]

ii. Cadangkan beberapa cara agar hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak serta menantu dapat dipupuk dengan baik. [4 markah]

iii. Nyatakan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan dan dua pengajaran lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen. [3 markah]

Soalan 2 (c) Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri.

Sudah berkata demikian itu maka Maharaja Rawana pun menyuruh dua orang menteri memanggil Sura Pendaki. Maka diketuknya pintu rumah itu, tiada diberinya masuk maka menteri dua orang itu pun kembali. Maka segala kelakuan itu semuanya dipersembahkannya kepada Maharaja Rawana demikian katanya, "Ya Tuanku Shah Alam, patik sekalian pergi memanggil adinda maka ditutup oleh adinda pintu tiada diberinya masuk."

Serta Maharaja Rawana mendengar maka baginda pun segera bangkit setelah berdirilah lalu berjalan pergi ke rumah Sura Pendaki, serta datang ke rumah itu lalu masuk naik ke tempat tidur Sura Pendaki. Maka dilihat oleh Maharaja Rawana, Sura Pendaki lagi berselubung. Maka selimut Sura Pendaki itu disentap oleh Maharaja Rawana maka dilihatnya hidung Sura Pendaki sudah rompong. Maka titah Maharaja Rawana, "Oleh apa maka halmu demikian ini?" Maka sembah Sura Pendaki,"Setelah laki patik mati dibunuh yang dipertua itu maka adalah hati patik dukacita maka patik membawa diri patik ke hutan, tatkala itulah patik bertemu dengan Laksamana dalam hutan itu maka patik pun dikehendakinya tiada patik mahu akan dia.

(Dipetik daripada cerita "Sikap Terburu-buru akan Membawa Padah dalam Antologi Anak Laut DBP")

(i) Apakah tindakan Maharaja Rawana setelah mendengar aduan daripada dua orang menterinya bahawa Sura Pendaki enggan membenarkan mereka masuk ke rumahnya. [3 markah]

(i) Sekiranya anda Maharaja Rawana apakah tindakan yang akan anda lakukan setelah mendengar aduan daripada Sura Pendaki bahawa di cuba dicabuli Laksamana. Berikan alasan anda. [3 markah]

(ii) Nyatakan satu perwatakan Maharaja Rawana yang terdapat dalam petikan dan dua perwatakannya yang terdapat dalam keseluruhan cerita. [3 markah]

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

MCIS ZURICH INSURANCE
Touching the lives of all

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

Soalan 2 (d) Puisi Moden

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Keindahan Yang Hilang

I

Sayup-sayup undan tua berlagu hiba
Terbang beriringan di rembang petang
Renik-renik mengirai bulu carik
Melayang satu-satu berbaur debu
Lesu berapungan di air lalu.

Daun-daun menghijau alangkah segar
Kemilau danau disinari mentari
Kali tenang betapa lembut mengalir ke muara
Kedamaian melingkar rimba
Lalu tumpah kasih nan jernih
Erat bertaut cinta kasih.

Malam hiba dadanya ungu luka
Pungguk tersedu pilu di atas batu
Bulan tiada lagi mendadan wajah
Bintang malam pudar sinarnya.

II

Orang bicara bulan bintang di makmal
Pada buku, data dan komputer
Lalu bulan dan cekerawala bisa diteroka
Bisa kembara di planet dan angkasa.

Undan patah sayap gugur bulunya bertaburan
Suara siapa parau mendera di malam lara
Kali tenang tiba-tiba airnya bengis melanda
Kepada siapa anak-anak kota desa
Berhutang nyawa?

III

Bulan kini bukan lagi menara kasih jernih
Bintang-bintang bukan lagi saksi sumpah
Kekasih.

Shamsuddin Jaafar,
dalam Antologi Kerusi DBP

i. Apakah yang dimaksudkan dengan Kepada siapa anak-anak kota desa berhutang nyawa seperti yang terdapat dalam sajak di atas? [3 markah]

ii. Cadangkan beberapa langkah untuk melindungi bumi kita daripada pencemaran yang dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab. [3 markah]

iii. Nyatakan tiga persoalan yang terdapat dalam sajak di atas. [3 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa
(30 Markah)

Jawab semua soalan.

(a) Tulis satu ayat daripada setiap rangkai kata di bawah ini supaya jelas menunjukkan maksudnya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan maksud imbuhan, serta menggunakan kata itu sebagai peribahasa dan kata nama khas.

i. melarat
ii. melaram
iii. meluat
iv. kemuncak
v. kemaruk
vi. kekebalan [6 markah]

(b) Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian cerakinkan kandungan petikan ini tidak kurang daripada enam ayat tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Amalan membaca boleh membuka minda dan menjadikan seseorang itu cinta akan ilmu pengetahuan. Oleh itu, ibu bapa dan kalangan pendidik perlulah memupuk budaya membaca dalam diri kanak-kanak sejak mereka di bangku sekolah lagi. Minat pada buku tidak akan lahir dalam jangka masa satu hari sahaja malah amalan ini perlulah berterusan selagi nyawa dikandung badan. [6 markah]

(c) Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

(i) Pelukis yang dikenal itu lukis potrat seorang gadis.
(ii) Anak-anak Haji Ramlan mempunyai budi perkerti yang mulia serta amat dibanggakan ibu bapanya.
(iii) Pada masa penjajah Ingeris, banyak orang yang terkorban semasa berjuangan menentang penjajah. [6 markah]

(d) Dalam setiap ayah di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat anda tidak boleh meyenaraikan lebih daripada satu kesalahan pengunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Pihak-pihak sekolah menjemput penceramah itu untuk memberikan khursus motivasi kepada pelajar.
(ii) Amran lari tunggang-terbalik bila dikejar anjing liar itu.
(iii) Lembu Mak Zainab memakan rumput berhampiran dengan kebun Hamzah. [6 markah]

(e) Baca ayat di bawah dengan teliti, kemudian tuliskan peribahasa yang sesuai pada tempat kosong.

(i) Zainab, Alicia, dan Ida malas menceritakan rahsia tersebut kepada Robert kerana dia _____.
(ii) Mak menasihati saya agar melupakan hasrat untuk meminang anak gadis orang kaya itu kerana bimbang akan dikata _____ oleh jiran tetangga nanti.
(iii) Pengantin itu dikatakan_____ kerana kedua-duanya sama cantik [6 markah]

Soalan 4: Novel
[15 markah]

Jawab soalan di bawah. Jawapan anda hendaklan berdasarkan novel-novel yang anda pelajari.

(i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
(ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
(iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
(iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
(v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
(vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
(vii) Julia karya Abu Hassan Morad
(viii) Puteri Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad

(a) Huraikan persoalan-persoalan yang terdapat dalam sebuah novel yang anda kaji dengan mengemukakan contoh-contoh yang sesuai. [7 markah]

(b) Bandingkan dua persamaan teknik plot yang terdapat dalam dua buah novel yang anda pelajari. [8 markah]

JAWAPAN boleh didapati di laman web www.afterschool.my

Jawapan
Bahasa Malaysia
[1103/1] [1103/2]

Bahasa Malaysia Kertas 1(1103/1)

Bahasa Melayu Kertas Satu (1103/1)
Jawapan Bahagian A

Langkah-langkah mengatasi gejala ponteng sekolah:
1. Ibu bapa sentiasa memantau pergerakan anak-anak/memerhati tindak-tanduk anak-anak.
2. Ibu bapa mengenali siapa rakan anak-anak
3. Ibu bapa sentiasa berhubung dengan pihak sekolah berkenaan perkembangan anak-anak.
4. Ibu bapa sentiasa bersama-sama anak-anak/meluangkan masa dengan anak-anak.
5. Ibu bapa mengambil tahu berkenaan masalah anak-anak.
6. Menerapkan nilai bertanggungjawab dalam diri remaja/menerapkan pengetahuan agama dalam diri anak-anak.
7. Pihak sekolah memberi maklumat berkenaan pelajar yang bermasalah kepada ibu bapa.
8. Minta kerjasama daripada pihak berkuasa memerhatikan pelajar yang ponteng.
9. Pihak sekolah adakan aktiviti/P&P yang menarik agar pelajar tidak bosan

Pilih 3 @ 4 isi sahaja. Sertakan peribahasa yang sesuai seperti Sudah terantuk baru terngadah/Melentur buluh biarlah dari rebungnya/sesal dahulu pendapatan sesal kemudian tidak berguna.

Jawapan Bahagian B

1. Soalan gambaran/keperihalan.
   Pendahuluan – kepentingan sambutan Hari Kemerdekaan. Malaysia akan menyambut hari kemerdekaan ke-53
   Isi - Calon perlu huraikan secara kronologi suasana sambutan ulang tahun kemerdekaan ke-53 dari perhimpunan rasmi sehingga tamat perhimpunan dan acara-acara yang dijalankan spanjang sambutan tersebut seperti laungan kemerdekaan/sketsa tandatangan perjanjian kemerdekaan/nyanyian Lagu Negaraku dan acara-acara lain yang sesuai. Calon perlu tekankan kemeriahan acara tersebut.
   Penutup – pentingnya masyarakat khasnya remaja diterap dengan budaya menyambut Hari Kemerdekaan
   Peribahasa yang sesuai; Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing/Di mana bumi berpijak di situ langit dijunjung/Bahasa Jiwa Bangsa

2. Soalan pendapat.
   Pendahuluan - Calon boleh huraikan apa maksud 'Hari Ibu' dan 'Hari Bapa'/cerita suasana/pengalaman menyambut hari istimewa secara ringkas.

Isi – peranan bapa dalam keluarga/kepentingan menguar-uarkan Hari Bapa kerana bapa ialah peneraju keluarga/ mencari nafkah/ melindungi keluarga/ menyediakan kemudahan dan keperluan keluarga.
- anak-anak perlu dididik/asuh untuk menghormati ibu dan bapa secara sama rata. Meraikan Hari Bapa sama seperti Hari Ibu perlu dilaksanakan supaya bapa rasa dihargai/sayangi. Bapa rasa lebih bertanggungjawab/ merasai kehadiranya diperlukan dalam keluarga. Menyedarkan bapa anak-anak sayangkan mereka. Bapa merasakan mereka perlu menunjukkan contoh yang lebih baik/menjadi idola anak-anak apabila anak-anak mengingai tarikh penting dalam hidup mereka.

http://exammy.com/
http://edu.joshuatly.com/

- Penutup – penegasan perlunya diraikan Hari Ibu dan Hari Bapa.
  Peribahasa/cogan kata yang sesuai; Menghormati yang tua dan menyayangi yang muda.

3. Format rencana
   Pendahuluan – huraikan apa dan fungsi kad kredit.

Isi – objektif/fokus asal sebagai alat penyelesaian kewangan segera seperti menyelesaikan bil kerana hal kecemasan contohnya mendapatkan rawatan/ semasa dalam perjalanan (jarak jauh) apabila berlaku kerosakan / tidak dapat mengeluarkan wang tunai kerana bank tutup/kad ATM rosak/ tiada wang tunai yang mencukupi
- sikap berbelanja yang berubah kepada boros menyebabkan penggunaan yang melampau menyebabkan meningkatnya beban pengguna contohnya membeli barangan yang kurang penting tetapi berharga mahal/ makan di tempat mewah/ bercuti(melancong) lebih daripada yang sepatutnya. Mula menggunakan/memakai barangan berjenama.
- cadangan/langkah mengatasi iaitu kurangkan bilangan/gunakan satu sahaja kad kredit /senaraikan barangan yang hendak dibeli/ keluar berbelanja apabila perlu sahaja/ kurangkan makan di luar/melancong.Mula menabung/beli barangan buatan tempatan yang sama kualiti tetapi lebih murah harganya
  Penutup – penegasan amalan berjimat cermat
  Peribahasa yang sesuai; berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ketepian, bersakit-sakit dahulu, bersenang-senang kemudian / Jimat membawa berkat.

4. Format wawancara
   Pendahuluan – ucapan alu-aluan dan terima kasih kedua-dua pihak. Nyatakan nama akhbar yang diwakili pemberita/tarikh/masa/tempat/tajuk temu ramah.

Isi – jenis penyakit berjangkit iaitu sars/selesema burung/AIDS/kuku dan mulut dan yang terkini H1N1. Dari segi sejarah asal penyakit-penyakit tersebut contohnya selesema burung dari negara China dan H1N1 dari Spanyol.
- Huraikan faktor merebak contohnya tiada kesedaran sivik/kurang pengetahuan/ tiada tindakan pantas oleh pihak berkuasa. Orang ramai yang mementingkan diri sendiri/ bersikap sambalewa.
- Kesan penyakit menyebabkan kematian/kos perubatan yang meningkat/fobia mangsa atau keluarga mangsa/ penduduk panik/menjejaskan aktiviti harian/pelajaran anak-anak terjejas.
- Langkah mengatasi amalan gaya hidup sihat/uar-uar melalui media/iklan/mengawal kawasan sempadan/kawal kemasukan pelancong/orang tempatan yang baru pulang dari luar negara. Rawatan segera/tingkatkan bekalan ubat-ubatan atau vaksin.
- Penutup harapan hasil temubual/ucapan terima kasih
  Peribahasa yang sesuai; sediakan payung sebelum hujan.

5. Format cerpen dan nama pengarang.

Isi – bertemakan semangat patriotisme.

http://exammy.com/
http://edu.joshuatly.com/

Bahasa Malaysia Kertas 2(1103/2)

Rumusan (30 Markah)
Pendahuluan (2m)
Petikan menyatakan sebab-sebab kanak-kanak memilih makanan kurang berkhasiat.

Isi tersurat (tersurat + tersirat 16m)
1. saban hari kanak-kanak ini terdedah dan mula tertarik dengan iklan-iklan makanan segera yang mengiurkan.
2. ada ibu bapa yang tidak mengambil pusing akan hal pemakanan anak-anak,
3. ibu bapa/mereka sendiri mempunyai tabiat pemakanan yang kurang sihat
4. ibu bapa beranggapan tiada salahnya anak-anak tidak dihidangkan makanan sewajarnya (sayur-sayuran atau buah-buahan dalam menu harian)
5. begitu banyak lambakan pil vitamin yang boleh diperoleh di farmasi-farmasi dan ejen-ejen jualan langsung.
6. anak-anak mempunyai pilihan makanan ringan yang banyak di rumah (bertujuan untuk dinikmati semasa bersantai sambil menonton televisyen bersama keluarga di rumah).
7. keperluan anak-anak untuk memilih makanan kegemaran adalah terhad kerana ada ibu bapa yang memaksa anak-anak makan satu-satu jenis makanan.
8. kanak-kanak yang mengalami kesedihan, ketakutan atau krisis kekeluargaan cenderung memiliki tabiat kurang makan atau terlebih makan.

Isi tersirat - kesan
1. pembesaran kanak-kanak terbantut/kekurangan zat.
2. hilang selera makanan.
3. tahap perkembangan otak terhad
4. kesan jangka panjang/penyakit kronik – kanser/jantung/kegendutan/kencing manis.
5. tidak dapat menilai khasiat suatu pemakanan/tidak tahu khasiat makanan seimbang/tidak tahu kandungan makanan seimbang.

Kesimpulan (2m)
Ibu bapa perlulah menjaga khasiat pemakanan anak-anak agar pembesaran anak-anak terjamin/kesihatan anak-anak terjamin

Jawapan Pemahaman [35 markah]
(a) Petikan Umum

i. Maksud krisis kekeluargaan - masalah/konflik keluarga (2 m)

ii. Beberapa langkah untuk menarik perhatian kanak-kanak agar mereka cenderung memilih makanan berkhasiat ialah mengiklankan/membungkuskan makanan berkhasiat dengan cara yang lebih menarik perhatian(1) menyediakan menu yang pelbagai dan berbeza pada setiap hari(2)mencari lokasi yangsesuai untuk makan/ tempat makan yang lebih menarik/berbeza semasa kanak-kanak hendah makan(3)menyediakan makanan yang pelbagai/berbeza bentuk dan warna agar lebih menarik(4). (4m)

iii. Beberapa kandungan makanan yang boleh memudaratkan dan menjejaskan kesihatan kanak-kanak ialah makanan segera dan makanan ringan di pasaran (hari ini) yang mengandungi emulsifier, bahan pewarna, dan perisa.(1) Begitu juga dengan kandungan lemak tepu, gula, dan garam yang tinggi (2) serta kandungan serat yang sangat rendah(3) (2m)

http://exammy.com/
http://edu.joshuatly.com/

2 (b) Petikan Prosa Moden

i. Sepeninggalan Murni dan Jamal, Jemah. memikirkan/ingatannya segera terbang balik ke kampung.(1) Teringatkan ayam dan itiknya dihalau Si Timah ke reban ke tidak(2) Pokok-pokok sayurnya dijirus Timah ke tidak.(3) (2 m)

ii. Beberapa cara agar hubungan antara ibu bapa dengan anak-anak serta menantu dapat dipupuk dengan baik ialah menghormati hak/kepentingan orang lain (1) Ibu bapa jangan terlalu mencampuri urusan anak-anak yang telah berkeluarga (2) Berbincang/menegur/saling menasihati sekiranya melakukan kesilapan (3). Anak-anak dan menantu perlu bertolak-ansur dan menghormati ibu bapa (4) Menganggap menantu/mertua seperti keluarga sendiri(5) Hindari sikap pilih kasih/memandang harta/pangkat (6) (3m)

iii. Satu pengajaran yang terdapat dalam petikan ialah mestilah menghormati orang tua. Contoh Murni menjemput ibunya ke rumahnya di bandar/kota @ Jamal menyambut ibu mertuanya dengan tangan terbuka ke rumahnya (1) Jangan mementingkan diri sendiri/Mestilah melayan ibu bapa dengan baik/melayan tetamu dengan baik. Contoh Murni dan Jamal yang meninggalkan mak Jemah di rumah sendirian semata-mata kerana menghadiri majlis tari-menari kawan karib mereka (pilih 1 isi)

Dua pengajaran dalam cerpen ialah kita tidak boleh memandang rendah kepada orang kampung/orang tua. Contoh Jamal yang menganggap Mak Jemah hanya tahu meminta wang daripada Murni. Kita mestilah mengambil berat menyayangi ibu bapa kita. Contoh Murni yang menyayangi ibunya dan tidak mahu ibunya tinggal keseorangan di kampung.

2 (c) Petikan Prosa Tradisional

(i) Tindakan Maharaja Rawana setelah mendengar aduan daripada dua orang menterinya bahawa Sura Pendaki enggan membenarkan mereka masuk ke rumahnya ialah Maharaja Rawana segera bangkit/berdiri lalu berjalan pergi ke rumah Sura Pendaki(1), serta datang ke rumah itu lalu masuk naik ke tempat tidur Sura Pendaki(2) apabila dilihat oleh Maharaja Rawana, Sura Pendaki berselubung, lalu Maharaja Rawana menyentap selimut Sura Pendaki (3) (3 m)

(i) Sekiranya saya Maharaja Rawana, tindakan yang akan saya lakukan setelah mendengar aduan daripada Sura Pendaki ialah saya akan berjumpa dengan Laksamana untuk mendapatkan penjelasan daripadanya apa yang sebenarnya berlaku supaya saya boleh bertindak lebih adil(1) Sekiranya saya dapati Laksamana betul-betul bersalah, saya akan mengadu kepada pemerintah/pihak berkuasa agar hukuman yang sepatutnya dapat dilaksanakan(2) Saya akan membawa Sura Pendaki bersemuka dengan Laksamana agar saya dapat mendengar situasi sebenar daripada kedua-dua pihak(3) Saya akan kahwinkan Laksamana dengan Sura Pendaki sekiranya Laksamana benar-benar sukakan adik saya(4) (3m)

(ii) Satu perwatakan Maharaja Rawana yang terdapat dalam petikan ialah dia seorang yang tegas buktinya dia terus pergi ke rumah Sura Pendaki untuk melihat apa sebenarnya yang berlaku kepada Sura Pendaki (1) Seorang yang peyayang kerana dia benar-benar marah apabila Sura Pendaki iaitu adiknya dikatakan diganggu Laksamana(2) (pilih 1 isi)

Dua perwatakannya yang terdapat dalam keseluruhan cerita ialah bertindak tanpa menyiasat. Contohnya merancang untuk mengenakan Laksamana dan Seri Rama sebaik sahaja dia mendengar cerita Sura Pendaki(3). Seorang yang pendendam kerana dia berhasrat untuk membalas dendam perbuatan Laksamana dengan menculik Sita Dewi (4) (3m)

http://exammy.com/
http://edu.joshuatly.com/

2 (d) Puisi Moden

i. Maksudkan kepada siapa anak-anak kota desa berhutang nyawa seperti yang terdapat dalam sajak di atas ialah Masyarat sama ada di kota atau di desa terpaksa menanggung kesengsaraan akibat perbuatan orang lain yang tidak bertanggungjawab (2m)

ii. Beberapa langkah untuk melindungi bumi kita daripada pencemaran yang dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab ialah pihak bekuasa perlu mengehadkan pengeluaran lesen membalak kepada pengusaha yang berkelayakan sahaja(1) Mengenakan tindakan yang tegas/berat/denda yang tinggi kepada sesiapa yang melakukan pencemaran(2) Orang awam perlu melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya ada maklumat berkenaan seseorang yang melakukan pencemaran(3) Mengadakan kempen-kempen bumi hijau(4) (3m)

iii. Tiga persoalan yang terdapat dalam sajak di atas ialah kemusnahan alam sekitar akibat penerokaan untuk pembangunan(1) Pada masa akan datang manusia mungkin tidak akan menikmati keindahan alam lagi(2) Penggunaan teknologi canggih membolehkann manusia meneroka angkasa lepas(3) Kepupusan flora dan fauna akibat pencemaran(4). (3m)

3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa (30m)

(a)

i. melarat – bertambah jauh/berpanjangan/berkait-kait/merebak/menjadi-jadi
ii. melaram – berhias diri dengan memakai pakaian yang cantik/bertujuan untuk menunjuk-nunjuk
iii. meluat – sangat benci/menyampah
iv. kemuncak – bahagian/tempat/tingkatan/paras tertinggi/puncak
v. kemaruk –terlalu terbuka selera hendak makan/berbelanja atau berbuat sesuatu dengan berlebih-lebih
vi. kekebalan – perihal kebal/tidak dapat ditembusi (senjata)/ tidak boleh didakwa (mahkamah)

(b)

i) Amalan membaca boleh membuka minda.(1m)
ii) Amalan membaca menjadikan seseorang itu cinta akan ilmu pengetahuan.(1m)
iii) Ibu bapa perlulah memupuk budaya membaca dalam diri kanak-kanak sejak mereka di bangku sekolah lagi. (1m)
iv) Pendidik perlulah memupuk budaya membaca dalam diri kanak-kanak sejak mereka di bangku sekolah lagi (1m).
v) Minat pada buku tidak akan lahir dalam jangka masa satu hari sahaja.(1m)
vi) Minat pada buku perlulah berterusan selagi nyawa dikandung badan.(1m) (6m)

(c)

(i) dikenal – terkenal (1m)
potrat - protret (1m)
(ii) perkerti - pekerti (1m)
dibanggakan - membanggakan (1m)
(ii) Ingeris – Inggeris (1m)
berjuangan - berjuang (1m) (6m)

(d)

(i) pihak-pihak - pihak
khusus - kursus
(ii) tunggang-terbalik - lintang pukang
bila - apabila
(iii)memakan - meragut rumput
berhampiran dengan berhampiran kebun.

http://exammy.com/
http://edu.joshuatly.com/

(e)
(i) Zainab, Alicia, dan Ida malas menceritakan rahsia tersebut kepada Robert kerana dia mulut tempayan.
(ii) Mak menasihati saya agar melupakan hasrat untuk meminang anak gadis orang kaya itu kerana bimbang akan dikata pipit hendak menjadi enggang oleh jiran tetangga nanti.
(iii) Pengantin itu dikatakan bagai pinang dibelah dua/bagai cincin dengan permata kerana kedua-duanya sama cantik

4: Novel (15m)

(a) Persoalan-persoalan
Bukit kepong
- keberanian menentang pengganas komunis - pasukan polis/ isteri-iateri anggota polis/penduduk kampung Bukit Kepong.
- semangat bergotong-royong dalam kalangan anggota polis/masyarakat - anggota polis di berek polis Muar/Bukit Kepong/orang-orang Kampung Raja.
- Keganasan pihak komunis - komunis membakar bas/rumah pasung/bunuh tauke muda
- Pengorbanan suami/isteri demi cinta - Othman berhenti kerja untuk menjaga Limah/ Timah Lawa melawan pihak komunis untuk selamatkan jenazah suaminya.
- Sikap bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas – Othman/anggota polis melaksanakan tugas masing-masing/bertempur dengan komunis dengan penuh dedikasi

Konserto Terakhir
- Kasih-sayang sesama manusia dan tumbuh-tumbuhan – Hilmi sayangkan bapa dan ibu saudaranya walaupun mereka sombong/Hilmi sayangkan pokok-pokok yang ditanamnya
- Bakat seni semulajadi – Hilmi boleh bermain piano tanpa menghadiri kelas muzik.
- sikap bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas – Hilmi bersungguh-sungguh menghiaskan perkarangan rumah Datuk Johari/Datin Salmah
- sikap memandang hina terhadap orang miskin – Datin Salmah sring menghina Hilmi kerana dia miskin/berpendidikan rendah/miskin.
- mempercayai amalan tahyul – Datin Salmah dan Datin Hawa percaya ramalan dukun Hayati terkena ubat guna-guna.
- sikap lupa diri apabila mengecap kemewahan – Datuk Johari lupa asal-usulnya seorang kampung
- sikap melupakan tanggungjawab seorang suami/anak – Datuk Johari lari daripada tanggungjawab sebagai suami dengan isteri pertama/tidak menjenguk bapanya di kampung sehingga bapanya meninggal dunia
- mengamalkan budaya Barat – Hayati dan tunangnya Mohsin sering pulang sehingga larut malam
- tidak mengendahkan suruhan agama – di rumah Datuk Johari ada mini bar.

(pilih dua persoalan Bukit Kepong atau dua persoalan Konserto Terakhir – markah, 2 isi = 4 markah + 3 markah bahasa) (7m)

(b) Dua persamaan teknik plot

Pemeri –
Bukit Kepong - gambarkan keadaan kampung halaman Othman di Kedah yang penduduknya yang bekerja menoreh getah
Konserto Terakhir – gambarkan keadaan kampung Hilmi di Kedah yang penduduknya terdiri daripada petani.

Imbas kembali –
Bukit Kepong – Othman teringatkan ibu bapanya semasa dia membantu mereka di kampung.
Konserto Terakhir – Hilmi teringatkan bapanya yang berpesan agar dia bekerja dengan baik di Kuala Lumpur nanti.
(satu persamaan dari setiap novel = 4m, dua persamaan = 8m)

http://exammy.com/
http://edu.joshuatly.com/